UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Gapura Ilmu Merentas Dunia

# myLibrary

BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 09
JUN 2014




## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SMK SRI SERDANG

**Sumbangan buku di Perpustakaan**

**Library For You 2014**

**Seminar Intellectual Property Protection**

myLibrary
Gapura Ilmu Merentas Dunia
BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
BILANGAN 09

# PERUTUSAN KETUA PUSTAKAWAN






Serdang, 13 Feb – Perutusan Ketua Pustakawan bagi Tahun 2014 telah diadakan di Bilik Termasa, PSAS dan dihadiri oleh staf Perpustakaan. Encik Amir Hussain Md Ishak telah memulakan perutusan beliau dengan menyampaikan mandat Naib Canselor UPM bagi tahun 2014 dan diikuti dengan mandat beliau bagi tahun 2014. Beliau telah menekankan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh setiap staf Perpustakaan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dan mesra pelanggan kepada pengguna. Beliau mengatakan "Warga PSAS perlu berusaha sehingga mampu menjadikan 'Perkhidmatan dengan Sentuhan Insaniah' (Service with a Human Touch) sebagai cogan kata dan seterusnya amalan bagi perkhidmatan PSAS." Untuk itu, semua staf Perpustakaan perlu menjaga disiplin diri agar segala usaha dan perancangan untuk menambahbaik perkhidmatan kepada pengguna dapat dilaksana.

Encik Amir Hussain turut berkongsi sebuah puisi hasil karya Prof. Ir. Joniarto Parung, Rektor Universitas Surabaya, Indonesia yang pada pandangan beliau mempunyai makna yang mendalam untuk dihayati oleh semua staf .

*Perpustakaan umpama mata air,*
*Yang darinya mengalir segala ilmu,*

*Staf perpustakaan adalah roh,*
*Yang menyalurkan ilmu.*

Dalam majlis perutusan ini, staf PSAS juga telah dibentangkan dengan pencapaian yang telah berjaya diraih sepanjang tahun 2013, serta perancangan dan sasaran bagi tahun 2014.

## *Penambahbaikan Sepanjang Tahun 2013*

1. Portal rasmi PSAS berwajah baharu
2. Pembangunan:
   - Portal e-Publication
   - Subject Guides
   - Modul How To
3. Peningkatan kelajuan akses kepada internet.
4. Turnstile di perpustakaan cawangan PKSB dan PPV.
5. Penubuhan Unit Perolehan dan Unit Pengkatalogan di BPK.
6. 38.46% jurnal bercetak di *e-migrate*.
7. KPI menjadi alat pengukur prestasi kerja Pustakawan.
8. Kutipan hutang lapuk pelajar dan staf melalui pemotongan gaji.
9. Pembukaan Bilik Bacaan Ringan.

## Senarai Kandungan

| | |
|---|---|
| Perutusan Ketua Pustakawan | 2 |
| Program Khidmat Masyarakat | 3 |
| Sumbangan buku di Perpustakaan | 4 |
| Kajian Kepuasan Pelanggan 2013 | 5 |
| International Information System for the Agricultural Science and Technology (AGRIS) | 6 |
| Seminar on Intelectual Property Protection | 8 |
| Library For You 2014 | 9 |
| Special Collection | 10 |
| Latihan Industri/Lawatan (IAALD, UKM, Brunei) | 11 |
| UPM e-Publication | 12 |

"My Library" merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM. Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan "My Library" melalui saluran komunikasi berikut:

**Ketua Editor "MyLibrary"**
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan.

Tel. : 03 89467040
Faks : 03 89483745
E-mel : dasuki@upm.edu.my





# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: PSAS DAN SMK SRI SERDANG

Oleh Mohd Dasuki Sahak

UPM, 1 April – Seramai 119 orang pelajar dan 12 orang guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Sri Serdang, Serdang, Selangor menghadiri Program Kemahiran Literasi Maklumat anjuran Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) yang berlangsung selama dua (2) hari di Bilik Termasa PSAS.

Program ini merupakan satu aktiviti khidmat masyarakat PSAS kepada pelajar sekolah angkat UPM dalam membantu menghasilkan laporan projek Tingkatan Enam. Melalui program ini, PSAS memperkenalkan peserta kepada pelbagai jenis sumber maklumat yang terdapat pada masa ini dan menunjuk ajar pelbagai kaedah dan strategi mengesan sumber maklumat. Peserta juga diberi kefahaman tentang kepentingan menyediakan rujukan bibliografi dalam penulisan bagi mengelakkan persoalan plagiat.

Fasilitator program ini terdiri daripada tiga (3) orang Pustakawan PSAS. Seorang pegawai dari Multimedia Development Corporation (MDeC), Cyberjaya turut memberi taklimat tentang Etika Penggunaan Internet dan Media Sosial. Di akhir sesi, peserta program telah dibawa melawat Perpustakaan untuk melihat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PSAS kepada warga UPM. Peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap program ini dan berharap ia dapat dijadikan aktiviti tahunan PSAS.



Puan Rosmala Abdul Rahim, Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan) menyampaikan ucapan aluan kepada peserta program.



Cik Norhazura Hamzah sedang menyampaikan ceramah pengenalan bahan maklumat.




Peserta memberi penglibatan yang aktif dalam aktiviti yang dijalankan.

myLibrary
Gapura Ilmu Merentas Dunia
BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
BILANGAN 09

# Sumbangan Buku di Perpustakaan



Kempen Sumbangan Buku PSAS telah dilancarkan oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Naib Canselor UPM pada bulan 19 Mac 2013. Kempen ini merupakan satu inisiatif PSAS untuk mempertingkatkan bilangan koleksi Perpustakaan dalam keadaan bajet yang tidak memberangsangkan. Kempen ini telah mendapat sokongan padu daripada warga UPM. Malahan Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan turut menyumbang koleksi peribadi beliau. Sumbangan buku juga diterima daripada pihak luar seperti Soka Gakkai Malaysia (SGM) yang telah menyumbang 150 buah kepada UPM.

Sapanjang tahun 2013 hingga April tahun ini, PSAS telah berjaya memperolehi 7,568 naskhah buku yang meliputi pelbagai bidang perkara. PSAS sangat menghargai sumbangan yang diterima dan mengalu-alukan sumbangan buku daripada semua pihak untuk memperkayakan lagi khazanah ilmu di Perpustakaan. Bagi yang ingin membuat sumbangan, sila hubungi Ketua Bahagian Pembangunan Koleksi di talian 03-89468647.

Oleh Haslina Abu Seman @ Talib




Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Hj. Ramlan, Naib Canselor UPM dengan diiringi oleh Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan UPM dan Encik Koh Sia Feai, Pengarah Soka Gakkai Malaysia (SGM) melawat pameran buku sumbangan SGM pada 25 November 2013 di PSAS.



# KAJIAN KEPUASAAN PELANGGAN PSAS 2013



Oleh Siti Razimah Mohd Noor

Kajian Kepuasaan Pelanggan merupakan salah satu keperluan MS ISO 9001:2008. PSAS bertanggungjawab menjalankan kajian ini setiap tahun bagi skop perkhidmatan perpustakaan. Sasaran kajian yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan UPM adalah sekurang-kurangnya 70% pelanggan memilih skala 4 dan 5 untuk elemen-elemen yang dinilai. Tujuan utama kajian adalah untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan di Perpustakaan Utama dan empat perpustakaan cawangannya, seterusnya membuat penambahbaikan dari masa ke masa bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Kajian ini dijalankan ke atas tiga kategori pelanggan iaitu pelajar pra siswazah / diploma / asasi, pelajar siswazah dan staf UPM yang meliputi staf akademik dan bukan akademik. Kajian dijalankan menggunakan soal selidik yang disebarkan secara atas talian dan bercetak. Makluman kajian diwar-warkan kepada warga kampus melalui Buletin Putra dan makluman kepada PTJ di UPM. Jadual berikut menunjukkan hasil kajian bagi tahun 2013.

**Berikut adalah hasil yang didapati daripada kajian bagi tahun 2013.**
**Sasaran bagi kajian ialah mencapai 70% pelanggan berpuas hati pada skala 4 dan 5.**

| Perkara Yang Dinilai | Kategori | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Staf (Akademik dan Bukan Akademik) | | Pelajar Siswazah | | Pelajar Pra Siswazah/Diploma/Asasi | |
| | Skala 4 - 5 | Skala 1-3 | Skala 4 - 5 | Skala 1-3 | Skala 4 - 5 | Skala 1-3 |
| 1. Suasana pembelajaran (suhu dan pencahayaan). (Learning environment (temperature and lighting) | 86.69% | 13.31% | 77.03% | 22.98% | 85.84% | 14.15% |
| 2. Kemudahan komputer. (Computer facilities) | 84.92% | 15.08% | 73.75% | 26.26% | 72.67% | 27.33% |
| 3. Sistem Hotspot (WiFi/Wireless). (Hotspot System (WiFi/Wireless)) | 80.27% | 19.73% | 60.98% | 39.04% | 66.92% | 33.07% |
| 4. Koleksi perpustakaan (cth : buku, jurnal). (Library collection (eg. books, journals)) | 86.13% | 13.87% | 75.84% | 24.16% | 76.41% | 23.59% |
| 5. Pangkalan data/jurnal atas talian (cth : Sc Direct). (Online databases/ journals (eg. Sc Direct)) | 84.98% | 15.02% | 79.47% | 20.52% | 78.84% | 21.17% |
| 6. Perkhidmatan Rujukan. (Reference Services) | 88.52% | 11.48% | 79.04% | 20.96% | 80.21% | 19.78% |
| 7. Susunan buku/jurnal di rak. (Shelving of books/ journals) | 89.32% | 10.68% | 79.69% | 20.30% | 83.03% | 16.97% |
| 8. Mesin pinjaman layan diri/Kotak pemulangan buku. (Self-check machine/ Book drop) | 89.29% | 10.71% | 82.14% | 17.87% | 85.67% | 14.33% |
| 9. Kemudahan salinan foto. (Photocopying facilities) | 76.63% | 23.37% | 63.10% | 36.90% | 67.74% | 32.25% |
| 10. Staf yang mesra pelanggan. (User friendly staff) | 93.31% | 6.69% | 80.20% | 19.81% | 83.87% | 16.13% |
| **Purata Pencapaian Keseluruhan** | **86.01%** | **13.99%** | **75.12%** | **24.88%** | **78.12%** | **21.88%** |

myLibrary
Gapura Ilmu Merentas Dunia
BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
BILANGAN 09



# AGRIS




## What is AGRIS?

AGRIS (International Information System for the Agricultural Science and Technology), an information-sharing cooperation or network between FAO (Food and Agriculture Organization of the United Nations) with 150 institutions (AGRIS centres) from 65 countries in the field of agricultural science and technology.

## AGRIS FAO

Agricultural science and technology information from araound the world for FREE can be accessed through FAO AGRIS database http://agris.fao.org/agris-search/index.do







International Information System for the Agricultural Science and Technology (AGRIS)

Home | My DSpace | Browse | Search | Language | Help | About DSpace

**Communities in DSpace**
Institute [6850]
Library [0]

**Feeds**
RSS 2.0 ATOM FEED

**Contact:**
Administrator

**Links:**
**Search engines:**
Agris, Avano, Google Scholar, OAIster, VOA3R

**Repositories:**
UPM Institutional Repository, Aquatic Commons, Archimer, Archive Institutionnelle de l'Ifremer, IR Documentation, ePrints Soton (Oceanography), Woods Hole Open Access Server, Marine & Ocean Science ePrints Archive @ Plymouth, DRS at National Institute Of Oceanography, Institute of Biology of the Southern Seas,

Malaysian Agriculture Repository >

**MALAYSIAN AGRIS DATABASE**

Malaysian AGRIS is a database that contains bibliographic records of agricultural science and technology, including forestry, animal husbandry, fisheries, food science and environmental science; covering the geography, history, education, information development, economics, sociology, engineering and other related fields. The materials indexed in this database consists of journal articles, books, book chapters, monographs and conference papers published in Malaysia.

Beginning in April 1979, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM has been appointed as the National Center of AGRIS and responsible for collecting and documenting material in the field of agricultural science and technology in Malaysia and becomes a data provider to the FAO AGRIS database.

http://agris.upm.edu.my:8080/oai/request?verb=Identify

**Search**

Enter some text in the box below to search DSpace.

Go

**Recent Submissions**

| Title - Citation - Author(s) | Type |
| --- | --- |
| **Floristic composition in fragmented forest related to different forest gap sizes: a preliminary study in Bangi Forest Reserve** Proceedings International symposium on rehabilitation of tropical rainforest ecosystems 2011: Kuala Lumpur, Malaysia, 24-25 October 2011, p. 343-350 **Fitri, A.Z.; Muhammad Firdaus A.S.** | Proceedings Paper |
| **Assessment of heavy metals uptake and translocation in Acacia mangium for phytoremediation of sewage sludge contaminated soil** Proceedings International symposium on rehabilitation of tropical rainforest ecosystems 2011: Kuala Lumpur, Malaysia, 24-25 October, 2011, p. 335-341 | Proceedings Paper |

URL :http://www.agris.upm.edu.my:8080/dspace/

## Access To Malaysian AGRIS Database

MalaysianAgris database can be accessed through;

1. http://www.agris.upm.edu.my:8080/dspace/
2. Portal Perpustakaan Sultan Abdul Samad http://www.lib.upm.edu.my. Click icon.
3. Portal Perpustakaan Sultan Abdul Samad http://www.lib.upm.edu.my. Click Electronic Resources and click AGRIS (Malaysia) Database.

# SEMINAR on INTELLECTUAL PROPERTY PROTECTION



Organised by
Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Library) and
Putra Science Park, UPM

UPM, 12 Feb 2014 – Perpustakaan Sultan Abdul Samad in collaboration with Putra Science Park, UPM had organised a seminar entitled 'Seminar on Intellectual Property Protection' at Termasa Room, UPM Library. The seminar aimed to create awareness on intellectual property among UPM communities.

About 30 UPM staff and postgraduate students attended the seminar.

Dr Zahira Mohd Ishan, Deputy Director, Intellectual Property Division, UPM and Miss Sophie Lim from Trademark2u Sdn Bhd were invited as speakers. Zahira talked about the application of intellectual property protection in UPM such as patent, new plant varieties, copyright and trademark, while Sophie Lim talked about the overview, management and process of intellectual property protection.






# LIBRARY FOR YOU

So much to do, So much to learn
@ your library




## *Program Library For You*

UPM, 5 May 2014 – *Program Library for* You pada tahun ini telah diadakan di Fakulti Pertanian. Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Rujukan, PSAS ini bertujuan untuk mempromosi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan secara khusus kepada warga fakulti. Pelbagai aktiviti menarik diadakan meliputi seminar, kuiz, sumbangan buku, Selfie Contest dan Infor Hunt.




Lina Yip dari CABI menyampaikan seminar bertajuk 'Agriculture Ink: How to Get a Research Paper Published with CAB eBooks?'.




Pameran Library for You.




Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan UPM (tiga daripada kanan) meluangkan masa melawat tapak program.




Pelajar Fakulti Pertanian menyertai kuiz meneka berat buku.

UPM myLibrary
Gapura Ilmu Merentas Dunia
BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
BILANGAN 09



# SPECIAL COLLECTION

By Morni Yati Ibrahim

PSAS Special Collection was established in 1997 as a result of a merger of few collections. It exists for the purpose of keeping and preserving intellectual property in multi-disciplinary areas. This is to fulfil the needs of teaching, learning, research and consultancy of Universiti Putra Malaysia (UPM). The Special Collection is located at Level 2, B Block of the Main Library. In an effort to cater the needs of the customers, new loan period for Special Collection was revised. As of 15 February 2014 the new loan period is as below:

| COLLECTION | SERVICES | LOAN PERIOD |
|---|---|---|
| Malaysian Agriculture | Reference | 4 hours |
| Company Report | Reference | 4hours |
| Red Spot | Loan | 1 day |
| | Reference | 4 hours |
| Theses | Reference | 4 hours |
| Theses (latest 2 years) | Reference | 4 hours (with authorisation letter from Supervisor of the theses) |
| Project Paper | Reference | 4 hours |
| Distance Learning | Loan | 21 days for distance learning students (Bachelor) |
| | | 30 days for distance learning students (Master & PhD) |
| | Reference | 4 hours for other users |
| Prof Chin | Reference | 4 hours |
| Restricted Collection | Reference | 4 hours (with a letter of authorisation from Head of Department) |

## HOW TO BORROW MATERIALS

1. Get the call number from the Library Catalogue (WebOPAC).
2. Get the card marker from the Special Collection Counter.
3. Replace the book taken from the shelf with the card marker.
4. Borrow the book at the Special Collection Counter.
5. Materials can be referred for 4 hours.
6. Return the materials at the Special Collection Counter.
7. Put the book back on the shelf and remove the card marker.
8. Return the card marker to the Special Collection Counter.

For further information, please contact:

**Librarian**
**Special Collection Division**
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang,
Selangor
Tel: 03-89468613 / Fax: 03-89483745
Email: morni@upm.edu.my






## Courtesy Visit By Mr. Peter Walton, President International Association of Agricultural Information Specialists

UPM, 17 Feb - Mr. Peter Walton, President of International Association of Agricultural Information Specialists (IAALD) 2013/14 has paid a courtesy visit to PSAS. During the visit, Mr. Peter highlighted issues in regards to the collaboration between agriculture based institutions and how IAALD can facilitate networking and training opportunities to assist agricultural information professionals to effectively utilize technologies to improve their own information dissemination and knowledge sharing services.

UPM Library looks forward to working closely with IAALD in near future in fostering co-operation among agricultural libraries in Malaysia in disseminating agricultural information to the agricultural community.





## Latihan Industri Bulan Januari – Jun 2014

Bagi tempoh setengah tahun pertama tahun ini, PSAS telah menyediakan tempat latihan industri kepada empat orang pelajar daripada dua institusi pengajian tinggi. Encik Mohamad Amirul Ilham, pelajar Diploma Sains Perpustakaan dari Universiti Industri Selangor telah menjalani latihan industri beliau bagi tempoh empat bulan iaitu dari Januari hingga April 2014. Manakala Cik Nasihah Sahimi, Cik Siti Sarah Samsudin dan Cik Sallyna Mohamed Dom, pelajar Bacelor Sains Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat dari Universiti Teknologi MARA sedang menjalani latihan industri mereka bagi tempoh lima bulan bermula Februari hingga Jun ini.

## Lawatan Delegasi dari Perpustakaan Tun Sri Lanang

3 Mei 2014 - PSAS menerima lawatan kerja Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) dari Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk melihat hasil projek kumpulan KIK PSAS.





## Lawatan Delegasi dari Maktab Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Brunei

13 Mac 2014 - PSAS menerima lawatan sambil belajar daripada pelajar dan pensyarah dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Brunei.




Portal e-Publication adalah portal sehenti yang memudahkan akses kepada semua penerbitan UPM yang diterbitkan di portal-portal PTJ yang meliputi jurnal, kertas persidangan, laporan tahunan, majalah, *newsletter* dan laporan kajian. Portal yang dibangunkan menggunakan platform sistem sumber terbuka (open source system) dan Wordpress ini menyediakan beberapa kaedah capaian maklumat iaitu browse by faculty, browse by alphabetical dan browse by publication. Setiap penerbitan mempunyai pautan ke portal asal PTJ. Portal ini boleh diakses oleh semua pengguna dengan menggunakan alamat http://epsas.upm.edu.my/epublication/. Senarai penerbitan sentiasa dikemaskini dari masa ke masa.

Oleh Muizzudin Kaspol




## Sidang Pengarang 'MyLibrary'

Penaung
**Amir Hussain Md. Ishak**

Editor
**Mohd Dasuki Sahak**

Pereka Grafik
**Suzaini Mohamad Kasim**

Penasihat
**Rosmala Abdul Rahim**

Penulis
**Ketua-Ketua Bahagian PSAS**

Pengedaran
**Norita Idris**
**Norlela Mohd Yusof**

Ketua Editor
**Hawa Abdul Majid**

Jurufoto
**Muhammad Marwan Abdul Razak**

ISSN 1675-4808
9 771675 480008